

Sheikh menangi emas dalam kejohanan Silat Dunia Keenam

30 SEP 1990

2 Berita Minggu

SHEIKH Alauddin Yacob berjaya mengibarkan bendera Singapura apabila keluar sebagai pemenang pingat emas tunggal dalam Kejohanan Silat Dunia yang berlangsung di Amsterdam, Belanda pada minggu lalu.

Menurut pengurus pasukan Singapura ke Kejohanan Silat Dunia Keenam yang dijalankan di Den Haag, Mohamed Kamin Said, kejayaan yang dicatatkan oleh pesilat dari perguruan Tapak Suci Harimau dalam Kelas I itu, cukup membanggakan.

"Sheikh bukan sahaja berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir, malah berjaya mengalahkan juara karate Austria, H. Ketzian dalam pertandingan tersebut," kata Kamin.

Selain daripada itu, Singapura juga turut membawa pulang sebutir pingat perak dan dua butir gangsa.

Pingat perak tunggal itu diperolehi menerusi Azman Amat (Kelas D) dan gangsa pula dimenangi melalui Badariah Hosni (Kelas B) dan Abdul Talib Tambi (Kelas B), ketiga-tiga pesilat itu dari kumpulan silat Al-Haq.

Moksin Mokti pesilat dari perguruan Sunda Pajajaran juga berjaya mencatatkan namanya apabila keluar sebagai pemenang kedua acara kesenian perseorangan.

Pasukan Singapura juga menduduki tempat ketiga dalam acara kumpulan Massal terdiri dari tujuh pesilat.

Begitupun, Kamin mengakui kehadiran pesilat-pesilat nasional ke kejohanan tersebut tanpa persiapan rapi.

"Kami hanya dapat mengadakan latihan singkat kerana baru sahaja selesai menganjurkan kejohanan silat sempena Pesta Sukan pa-



BAWA KEBANGGAAN: Sheikh Alauddin selain memenangi emas tunggal, juga berjaya menewaskan juara karate Austria, H. Ketzian.

da 20 Ogos lalu," jelas Kamin.

Tujuh pesilat nasional ke kejohanan itu dibiayai oleh bantuan dari Dana Sukan Cemerlang dari Majlis Sukan Singapura (SSC) yang telah menyumbangkan sebanyak \$15,000.

"Malah kami juga turut terhutang budi atas bantuan yang dihulukan oleh Yayasan Lee yang menghulurkan \$3,000," kata Kamin.

Menyentuh kejohanan tersebut, Kamin menyatakan terdapat 19 negara dari seluruh dunia telah turut serta ini termasuk dari Australia hingga ke Amerika Syarikat

yang tampil di Belanda.

Indonesia keluar sebagai juara keseluruhan dengan memperolehi tujuh emas dua perak dan empat gangsa. Ini diikuti oleh Belanda selaku tuanrumah (3-6-8). Malaysia (2-4-0), Austria (2-1-2), Thailand (2-0-0), Belgium (1-2-1) Singapura (1-1-2), Australia (0-2-0), Sepanyol (0-0-7) perancis dan Switzerland (0-0-1).

Negara-negara lain yang turut menyertai kejohanan tersebut terdiri dari Brunei, England, Surinam, Greece, Turkey, Amerika, Jerman Barat dan Yugoslavia. — **MOHD SANI ALI.** *